



28 NOV, 2022

2 minggu untuk cari formula

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 3

SUBSIDI BERSARAS

PM MAHU PENYELESAIAN DALAM 2 MINGGU

PM arah menteri baru tidak tukar permaidani, perabot Kereta bernombor pendaftaran BEM 1 sudah dipulangkan Jimat cermat jadi pegangan kerajaan baharu



28 NOV, 2022

2 minggu untuk cari formula

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 3



ANWAR (tiga dari kanan) mempengerusikan Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara di Bangunan Perdana Putra, semalam.

PELAKSANAAN SUBSIDI BERSARAS

2 minggu untuk cari formula

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Noor Atiqah Sulaiman
 bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Pemberian subsidi kepada rakyat harus dilaksanakan secara bersasar demi memastikan hanya golongan yang benar-benar memerlukan dapat menikmatinya.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, implikasi subsidi perlu diteliti kerana ia tidak bersasar ketika ini dengan turut dimaknai golongan kaya dan

industri.

Sehubungan itu, beliau memberi tempoh dua minggu bagi pihak berkaitan menjeliti dan memperincikan pelbagai isu subsidi untuk rakyat.

"Saya tidak ada masalah dengan subsidi untuk rakyat, (cumanya) subsidi harus bersasar, jika tidak harga minyak sebagai contoh, dimanfaatkan oleh golongan miskin dan kaya."

"Saya beri tempoh dua minggu untuk mencerakinkan, menyelusuri seluruh implikasi dan bincang dengan sektor swasta, pelabur supaya mereka faham subsidi tujuannya

untuk meringankan beban rakyat miskin," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara 2022 di Bangunan Perdana Putra di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Anwar berkata, golongan kaya serta industri besar ti-

dak seharusnya mengambil manfaat daripada subsidi yang dikhasikan untuk membantu rakyat terkesan.

Bagaimanapun beliau berkata, bagi golongan kaya dan industri besar terabit, pelbagai kemudahan dan insentif akan diperbaiki supaya mereka juga tidak terbe-

ban. "Ini juga membabitkan soal tarif elektrik, dari segi angka dibentangkan itu, yang

mana manfaatnya diberikan kepada golongan miskin, hampir sama dengan manfaat yang diterima golongan kaya sekitar RM2.5 billion.

"Jadi bagi saya tidak munasabah, namanya subsidi tetapi yang mendapat manfaat golongan lain. Maknanya subsidi elektrik itu diuteraskan, saya bila sebut perkara ini tidak mahu ada kebimbangan subsidi untuk rakyat," katanya.

Dalam pada itu, beliau meminta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) supaya mengambil langkah perlu untuk mengawal harga makanan

terutama telur ayam.

"Apa yang ditekankan ini ialah masalah harga barang, kos sara hidup. Saya ucap terima kasih kerana industri nampaknya menyediakan telur di pasaran dengan mencukupi dan berdasarkan keterangan, hal ini (telur ayam) akan bertambah dalam masa yang singkat."

"Saya lebih ingin menekankan supaya kos itu dapat di-kawal lagi, ini termasuk langkah Mafi melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) untuk ambil langkah supaya harga di pasar pengeluaran itu tidak tinggi di pasaran," katanya.

"
 Subsidi harus bersasar, jika tidak harga minyak sebagai contoh, dimanfaatkan golongan miskin dan kaya
 Anwar



28 NOV, 2022

2 minggu untuk cari formula

Harian Metro, Malaysia

Page 3 of 3

SUMMARIES

SUBSIDI BERSASAR PMMAHUPENYELESAIAN DALAM2MINGGU PMarahmenteribarutidaktukarpermaidani,perabot KeretabernomborpendaftaranBEM1sudahdipulangkan Jimatcermatjadipegangankerajaanbaharu MS6&7p p p g

ANWAR (tiga dari kanan) mempengerusikan Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara di Bangunan Perdana Putra, semalam.

PELAKSANAAN SUBSIDI BERSASAR

b h n e w s @ b h .c om . m y P utrajaya Pemberian subsidi kepada rakyat harus dilaksanakan secara bersasar demi memastikan hanya golongan yang benar-benar memerlukan dapat menikmatinya.